



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***BEBAN TUGAS, KEMAHIRAN PENGURUSAN BENGKEL DAN TEKANAN  
KERJA DALAM KALANGAN GURU KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU  
DALAM NEGERI KEDAH***

**SHARIFAH BINTI SHAFIE**

**FPP 2014 43**



**BEBAN TUGAS, KEMAHIRAN PENGURUSAN  
BENGKEL DAN TEKANAN KERJA DALAM  
KALANGAN GURU KEMAHIRAN HIDUP  
BERSEPADU DALAM NEGERI KEDAH**

**SHARIFAH BINTI SHAFIE**

**MASTER SAINS  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

**2014**



**BEBAN TUGAS, KEMAHIRAN PENGURUSAN BENGKEL DAN TEKANAN  
KERJA DALAM KALANGAN GURU KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU  
DALAM NEGERI KEDAH**



**Tesis ini dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah, Universiti Putra  
Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains.**

**Ogos 2014**

## HAK CIPTA

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Universiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai  
memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sains

**BEBAN TUGAS, KEMAHIRAN PENGURUSAN BENGKEL DAN TEKANAN  
KERJA DALAM KALANGAN GURU KEMAHIRAN HIDUP BERSEPADU  
DALAM NEGERI KEDAH**

Oleh

**SHARIFAH BINTI SHAFIE**

**Ogos 2014**

**Pengerusi : Suhaida Binti Abdul Kadir, PhD**

**Fakulti : Pengajian Pendidikan**

Tekanan kerja atau stres merupakan tekanan yang timbul hasil daripada kerja atau profesi seseorang. Implikasi daripada tekanan kerja boleh menjelaskan psikologi dan fisiologi seseorang. Guru yang mengalami tekanan kerja akan rendah dari segi kualiti kerja, dedikasi, motivasi, kreativiti, komitmen terhadap tugas, ketrampilan, etika dan moral yang seterusnya akan menjelaskan kecemerlangan dan keberkesanannya sesebuah sekolah dan memberi kesan buruk terhadap pencapaian pelajar.

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji tekanan kerja guru KHB, jumlah beban tugas guru dalam pengurusan bengkel dalam menjalankan tugas rasmi serta mengkaji tahap kemahiran guru dalam pengurusan bengkel. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan mengenal pasti hubungan antara beban tugas dan kemahiran pengurusan bengkel dengan tekanan kerja dalam kalangan guru KHB. Kajian ini juga bertujuan membandingkan beban tugas dan kemahiran pengurusan bengkel dengan tekanan kerja guru. Responden terdiri daripada 284 orang guru yang mengajar mata pelajaran KHB di sekolah menengah di negeri Kedah. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif secara tinjauan (*survey*) dengan menggunakan borang soal selidik.

Instrumen tekanan kerja guru menggunakan *Profesional Life Stress Scale (PLSS)* oleh Fontana & Abouserje (1993) dan soal selidik *Physiological and Psychological Symptoms* oleh (Gmelch, 1982; Walt, 1987) yang telah diubahsuai oleh pengkaji sebelum ini (Anwar Faiz, 2011). Manakala instrumen kajian bagi bahagian beban tugas guru adalah menggunakan soal selidik (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007) dalam kajian Tugas dan Tanggungjawab Guru. Item bagi kemahiran pengurusan bengkel pula dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan (BPTV, 2007; Hassan et al., 1977; (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008)).

Analisis deskriptif tahap tekanan kerja dalam kalangan guru KHB menunjukkan ianya berada di tahap sederhana ( $M=2.51$ ,  $SP=.53$ ). Dapatkan juga menunjukkan purata jumlah beban tugas guru dalam melaksanakan tugas dalam empat aspek iaitu kurikulum, kewangan, pengurusan dan pentadbiran dan pembangunan fizikal sekolah

ialah 47.86 jam seminggu. Tahap kemahiran guru dalam pengurusan bengkel pula berada pada tahap sederhana ( $M=3.47$ ,  $SP=.62$ ).

Analisis korelasi Pearson pula menunjukkan terdapat hubungan negatif yang signifikan antara kemahiran pengurusan bengkel dengan tekanan kerja [ $r (284) = -.206$ ,  $p<.01$ ] tetapi tiada hubungan yang signifikan antara beban tugas keseluruhan dengan tekanan kerja [ $r (284) = .068$ ,  $p>.05$ ]. Beban tugas bagi aspek pengurusan dan pentadbiran [ $r (284) = .140$ ,  $p<.05$ ] serta kewangan [ $r (284) = .148$ ,  $p<.05$ ] menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dengan tekanan kerja dan kekuatan hubungan adalah kecil. Analisis perbezaan tahap beban tugas dengan tekanan kerja menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan ( $F(2,281) = 1.525$ ,  $p=.219$ ) manakala analisis perbezaan tahap kemahiran pengurusan bengkel dengan tekanan kerja menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan ( $F(2,281) = 4.026$ ,  $p=.019$ ).

Daripada dapatan kajian ini, dapat dibuat kesimpulan bahawa guru KHB terbeban dan tertekan dengan tugasan berkaitan pengurusan dan pentadbiran iaitu tugasan yang berkaitan dengan pengurusan bengkel. Di samping itu juga tahap kemahiran yang rendah dalam pengurusan bengkel juga telah menyebabkan mereka tertekan. Oleh itu, pihak pentadbir di peringkat sekolah, Pejabat Pelajaran Daerah, Jabatan Pendidikan Negeri serta Kementerian Pendidikan Malaysia diharapkan dapat memainkan peranan dalam membantu meningkatkan kemahiran guru KHB dalam pengurusan bengkel dengan menganjurkan kursus peningkatan profesionalisme pengurusan bengkel. Bagi meringankan beban guru KHB, Kementerian Pendidikan perlu menyediakan pembantu bengkel atau seorang pembantu tadbir bagi membantu guru KHB dalam menguruskan bengkel. Dengan adanya kerjasama dan keprihatinan daripada pelbagai pihak, tekanan kerja dapat dikurangkan dan guru-guru akan dalam melaksanakan tugas dengan penuh rasa tanggungjawab.

Abstract of thesis presented to the Senate of Universiti Putra Malaysia in fulfillment  
of the requirements for the degree of Master of Science

**WORKLOAD, WORKSHOP MANAGEMENT SKILL AND WORK STRESS  
AMONG INTEGRATED LIVING SKILLS TEACHERS IN KEDAH STATE**

By

**SHARIFAH BINTI SHAFIE**

**August 2014**

**Chairman : Suhaida Binti Abdul Kadir , PhD**

**Faculty : Educational Studies**

Work pressure or work stress is a kind of stress that arises from a person's job or profession. The implications of work stress could affect a person's psychological and physiological health. Teachers who work under pressure will have lower quality of work, dedication, motivation, creativity, work commitments, skills, ethics and morality which will affect the excellence and the effectiveness of a school and ultimately would have an adverse impact on students' achievement.

This study aims to investigate the work stress of KHB teachers, the total of teachers' workload in workshop management and also in their official duties, while also investigating the level of teachers' workshop management skill. In addition, this study also aims to identify the relationship between workload and workshop management skill with work stress among KHB teachers. This study also aims to compare workload and workshop management skill with work stress. The respondents consisted of 284 teachers who are teaching KHB in secondary schools in the state of Kedah. This research is a quantitative study, which employs the survey method using a questionnaire.

The instrument for work stress was taken from the Professional Life Stress Scale (PLSS) produced by Fontana (1993) and combined with the questionnaires of Physiological and Psychological Symptoms by Gmelch (1982) and Walt (1987) which was adapted by a previous researcher, (Anwar Faiz, 2011). While the instrument used to measure the teachers' workload is the questionnaire (Ministry of Education , 2007) in the research on Teachers' Duties and Responsibilities. Items for the teachers' workshop management skill was developed by the researcher based on the book (BPTV, 2007; Hassan et al., 1977; Ministry of Education, 2008).

Descriptive analysis on the level of work stress of KHB teachers showed that it is at a moderate level ( $M=2.51$ ,  $SD=.53$ ). Findings also showed that the average of total teachers' workload in performing the aspects of curriculum, finance, management, and administrative and physical development of the school is 47.86 hours per week.

The level of teachers' workshop management skill was moderate ( $M = 3:47$ ,  $SD = .62$ ).

Pearson correlation analysis showed a negative significant correlation between workshop management skills and job stress [ $r(284)=-.206$ ,  $p<.01$ ] but no significant relationship is found between workload and work pressure [ $r(284)=.068$ ,  $p>.05$ ]. Workload in the aspect of management and administration [ $r(284) = .140$ ,  $p<.05$ ] and finance [ $r(284) = .148$ ,  $p<.05$ ] indicated that there is no significant relationship ( $F(2,281) = 1.525$ ,  $p=.219$ ) while the analysis of differences between level of workshop management skill and work stress showed significant difference ( $F(2,281) = 4.026$ ,  $p=.019$ ).

From the findings of this study, it can be concluded that the KHB teachers are work loaded and stressed with work associated with management and administration related to workshop management. In addition, the low level of management skill also caused stress. Hence, the administrators at the school level, the District Education Office, the State Education Department and the Ministry of Education is required to help improve KHB teachers' workshop management skills by organizing professional development courses in workshop management. To reduce the burden of KHB teachers, the Ministry of Education should provide workshop assistant or an administrative assistant to assist teachers in managing the KHB workshops. With the cooperation and understanding of the various parties, work stress could be reduced and teachers could carry their duties responsibly.

## **PENGHARGAAN**

Segala puji bagi Allah SWT, pencipta sekalian alam kerana dengan limpah dan kurniaNya tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya.

Jutaan terima kasih dan sekalung penghargaan yang tidak ternilai kepada penyelia utama Dr. Suhaida Abdul Kadir atas bimbingan dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang kajian ini dijalankan. Kesungguhan dan kewibawaan Dr. sepanjang penyeliaan kajian ini tidak akan dilupakan. Tidak lupa juga ucapan terima kasih kepada ahli jawatankuasa penyeliaan iaitu Dr. Soaib Asimiran yang turut memberikan tunjuk ajar dan panduan yang membina. Semoga ilmu yang diperoleh dapat dimanfaatkan untuk generasi akan datang, insya-Allah.

Ucapan terima kasih yang tidak terhingga juga ditujukan kepada Dr. Asnul Dahar Minghat, Dr. Ahmad Zabidi Abdul Razak dan En. Yusri yang secara tidak langsung memberikan tunjuk ajar dan nasihat dalam menyiapkan tesis ini. Selain itu turut dihargai semua pegawai KPM dan JPN Kedah serta pengetua-pengetua sekolah menengah negeri Kedah yang memberikan kerjasama yang baik sepanjang saya menjalankan kajian.

Buat keluarga tersayang, sekalung terima kasih yang tidak terhingga kepada suami tercinta Mohd Fahmy bin Mohd Sofian, anak-anak tersayang Muhammad Fareez Haikal dan Muhammad Faeez Hakimi yang selalu ditinggalkan hampir dua tahun. Segala pengorbanan dan sokongan serta galakan yang diberikan akan tetap dihargai dan dikenang sepanjang hayat.

Akhir sekali, jutaan terima kasih juga kepada semua rakan-rakan seperjuangan Master Sains UPM 2012/2013 hingga 2013/2014 . Hanya Allah SWT yang dapat membalas budi dan jasa kalian.

## PENGESAHAN

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatankuasa Peperiksaan Tesis telah berjuma pada **11 Ogos 2014** untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi **Sharifah Binti Shafie** bagi menilai tesis beliau yang bertajuk **“Beban Tugas, Kemahiran Pengurusan Bengkel Dan Tekanan Kerja Di Kalangan Guru Kemahiran Hidup Bersepadu Dalam Negeri Kedah”** mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatankuasa tersebut telah memperakuan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sains.

Ahli Jawatankuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

**Prof. Madya Datin Dr. Ramlah Hamzah, PhD**

Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

**Prof. Madya Dr. Mohd Ibrahim Bin Nazri, PhD**

Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalaman)

**Prof. Madya Dr. Abdullah Mat Rashid, PhD**

Fakulti Pengajian Pendidikan,  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalaman)

**Prof. Madya Dr. Yahya Buntat, PhD**

Fakulti Pendidikan,  
Universiti Teknologi Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

SEOW HENG FONG, PhD  
Profesor dan Timbalan Dekan  
Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia

Tarikh :

Tesis ini telah dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk ijazah Master Sains. Ahli Jawatankuasa Penyeliaan adalah seperti berikut:

**Suhaida Binti Abdul Kadir, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Soaib Bin Asimiran, PhD**

Pensyarah Kanan

Fakulti Pengajian Pendidikan

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**BUJANG BIN KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## **PERAKUAN**

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum tesis ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012,
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-Kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis ini telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama dan No. Matrik : SHARIFAH BINTI SHAFIE (GS33614)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan : **Dr. Suhaida Abdul Kadir, PhD**

Tandatangan : \_\_\_\_\_

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan : **Dr. Soaib Asimiran, PhD**

## SENARAI KANDUNGAN

	<b>Halaman</b>
<b>ABSTRAK</b>	i
<b>ABSTRACT</b>	iii
<b>PENGHARGAAN</b>	v
<b>PENGESAHAN</b>	vi
<b>PERAKUAN</b>	viii
<b>SENARAI JADUAL</b>	xiii
<b>SENARAI RAJAH</b>	xvi
<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xvii
 <b>BAB</b>	
<b>1 PENDAHULUAN</b>	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	1
1.3 Pernyataan Masalah	5
1.4 Objektif Kajian	6
1.5 Persoalan Kajian	7
1.6 Kepentingan Kajian	7
1.7 Batasan Kajian	8
1.8 Definisi Istilah	8
1.9 Kesimpulan	9
 <b>2 SOROTAN KAJIAN</b>	11
2.1 Pengenalan	11
2.2 Tekanan Kerja	11
2.2.1 Punca dan Tahap Tekanan Kerja	12
2.2.2 Tekanan Kerja dan Faktor Demografi	15
2.2.3 Kesan Tekanan	16
2.3 Teori dan Model Tekanan Kerja	17
2.4 Beban Tugas Guru	17
2.5 Kajian Lepas Beban Tugas Guru	19
2.6 Model Beban Tugas Guru	24
2.7 Kemahiran Pengurusan Bengkel	24
2.7.1 Pengurusan dan Pengendalian Bengkel	25
2.7.2 Penyenggaraan Alatan Tangan dan Mesin	25
2.7.3 Pengurusan Aset Alih Kerajaan	26
2.7.4 Amalan Keselamatan	26
2.8 Kajian Lepas Pengurusan Bengkel	28
2.9 Model Kompetensi	30
2.10 Hubungan Antara Beban Tugas Dan Kemahiran Pengurusan Bengkel Dengan Tekanan Kerja	32
2.11 Kerangka Teoritikal Kajian	34
2.12 Kerangka Konseptual Kajian	36
2.13 Kesimpulan	37

<b>3</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	38
3.1	Pengenalan	38
3.2	Reka Bentuk Kajian	38
3.3	Populasi Kajian	38
3.4	Persampelan	39
3.5	Instrumentasi	42
3.6	Penterjemahan Instrumen	44
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	45
3.8	Kajian Rintis	46
3.9	Prosedur Kajian	48
3.10	Penganalisisan Data	50
3.11	Statistik Deskriptif <ul style="list-style-type: none"> <li>3.11.1 Analisis Deskriptif Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel</li> <li>3.11.2 Analisis Deskriptif Tahap Tekanan Kerja</li> </ul>	50
3.12	Statistik Inferensi <ul style="list-style-type: none"> <li>3.12.1 Ujian Korelasi Pearson</li> </ul>	51
3.13	Kesimpulan	52
<b>4</b>	<b>DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	53
4.1	Pengenalan	53
4.2	Latar Belakang Responden	53
4.3	Maklumat Tugas dan Tanggungjawab Guru	56
4.4	Objektif 1 : Mengenal pasti tekanan kerja, beban tugas dan kemahiran pengurusan bengkel dalam kalangan guru KHB	61
4.5	Objektif 2 : Menentukan hubungan antara beban tugas dengan tekanan kerja guru KHB.	71
4.6	Objektif 3 : Menentukan hubungan antara kemahiran pengurusan bengkel dengan tekanan kerja guru KHB.	72
4.7	Objektif 4 : Membandingkan tahap beban tugas dengan tekanan kerja guru KHB. <ul style="list-style-type: none"> <li>4.7.1 Perbezaan Tahap Beban Tugas Dengan Tekanan Kerja Guru KHB Mengikut Aspek</li> </ul>	73
4.8	Objektif 5 : Membandingkan tahap kemahiran pengurusan bengkel dengan tekanan kerja guru KHB. <ul style="list-style-type: none"> <li>4.8.1 Perbezaan Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel Dengan Tekanan Kerja Guru KHB Mengikut Aspek</li> </ul>	76
4.9	Perbincangan <ul style="list-style-type: none"> <li>4.9.1 Tekanan Kerja Guru KHB</li> <li>4.9.2 Beban Tugas Guru KHB</li> <li>4.9.3 Kemahiran Pengurusan Bengkel</li> <li>4.9.4 Hubungan Beban Tugas Dengan Tekanan Kerja</li> <li>4.9.5 Hubungan Kemahiran Pengurusan Bengkel Dengan Tekanan Kerja</li> <li>4.9.6 Perbandingan Tahap Beban Tugas Dengan Tekanan Kerja Guru KHB</li> </ul>	81

4.9.7	Perbandingan Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel Dengan Tekanan Kerja Guru KHB	86
4.9.8	Cadangan Guru KHB Dalam Mengurangkan Beban Tugas dan Meningkatkan Kemahiran Pengurusan Bengkel	86
4.10	Kesimpulan	87
<b>5</b>	<b>RUMUSAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN KAJIAN LANJUTAN</b>	<b>89</b>
5.1	Pengenalan	89
5.2	Rumusan	89
5.3	Implikasi Dan Cadangan	91
5.4	Cadangan Kajian Lanjutan	92
5.5	Kesimpulan	93
<b>RUJUKAN</b>		<b>94</b>
<b>LAMPIRAN</b>		
<b>A</b>	Data Bilangan Guru KHB di Negeri Kedah Darul Aman	101
<b>B</b>	Surat Pengesahan Penterjemahan Instrumen Kajian	106
<b>C</b>	Surat Lantikan Panel Pengesahan Instrumen Kajian	110
<b>D</b>	Surat Permohonan Dan Kelulusan Menjalankan Kajian	117
<b>D1</b>	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian oleh Bahagian Penyelidikan Dan Pembangunan Dasar Pendidikan (BPPDP), KPM	118
<b>D2</b>	Surat Kelulusan Menjalankan Kajian oleh Jabatan Pelajaran Negeri Kedah	119
<b>D3</b>	Surat Memohon Menjalankan Kajian kepada Semua Pengetua Sekolah Menengah di Negeri Kedah	120
<b>E</b>	Soal Selidik Kajian	121
<b>BIODATA PELAJAR</b>		133
<b>SENARAI PENERBITAN</b>		134

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Halaman</b>
1 Bilangan guru KHB mengikut Pejabat Pelajaran Daerah	41
2 Instrumen Kajian	42
3 Kedudukan Skala Kompetensi Dari Aspek Kemahiran/Psikomotor	44
4 Kedudukan Skala Professional Life Stress Scale (PLSS)	44
5 Pekali Kebolehpercayaan Cronbach Alpha Instrumen Kajian	47
6 Jumlah Beban Tugas Guru (N=30)	47
7 Pelan Tindakan Penyelidikan	49
8 Jadual Penentuan Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel	50
9 Jadual Penentuan Tahap Tekanan Kerja	51
10 Interpretasi Pekali Cohen (1988)	51
11 Jenis Ujian Statistik Mengikut Soalan Kajian	52
12 Taburan Responden Mengikut Faktor Demografi (N=284)	55
13 Taburan Responden Berdasarkan Kursus Yang Pernah Dihadiri	56
14 Taburan Responden Berdasarkan Kursus Yang Pernah Dihadiri (Rumusan)	56
15 Taburan Responden Mengikut Tugas Dan Tanggungjawab (N=284)	57
16 Taburan Responden Mengikut Bilik Khas Yang Dipertanggungjawabkan (N=284)	57
17 Taburan Responden Mengikut Tanggungjawab Menguruskan Bilik Khas (Rumusan)	58
18 Taburan Responden Mengikut Jawatan Rasmi (N=284)	58
19 Taburan Responden Mengikut Tugas Khas Yang Dipertanggungjawabkan (N=284)	59
20 Taburan Responden Mengikut WPM dan Tugas Sebagai Jawatankuasa	60
21 Tahap Min Tekanan Kerja Guru	61
22 Analisis Item Tekanan Kerja Guru KHB	62
23 Purata Jumlah Beban Tugas Guru KHB (N=284)	64
24 Perincian Jumlah Masa Menjalankan Tugas Kurikulum	65
25 Perincian Jumlah Masa Menjalankan Tugas Pengurusan Dan Pentadbiran	67
26 Perincian Jumlah Masa Menjalankan Tugas Kewangan	68
27 Perincian Jumlah Masa Menjalankan Tugas Pembangunan Fizikal Sekolah	69
28 Min dan Sisihan Piawai Kemahiran Guru KHB Dalam Pengurusan Bengkel (N=284)	69
29 Taburan Tahap Kemahiran Guru KHB Dalam Pengurusan Bengkel	70
30 Hubungan Beban Tugas Dengan Tekanan Kerja Guru	71
31 Hubungan Kemahiran Pengurusan Bengkel Dengan Tekanan Kerja	73
32 Skor Tekanan Kerja Guru KHB Berdasarkan Tahap Beban Tugas (Keseluruhan)	73

33	Perbezaan Tahap Beban Tugas (Keseluruhan) Dengan Tekanan Kerja Guru KHB	73
34	Skor Tekanan Kerja Guru KHB Berdasarkan Tahap Beban Tugas (Kurikulum)	74
35	Perbezaan Tahap Beban Tugas (Kurikulum) Dengan Tekanan Kerja Guru KHB	74
36	Skor Tekanan Kerja Guru KHB Berdasarkan Tahap Beban Tugas (Kewangan)	74
37	Perbezaan Tahap Beban Tugas (Kewangan) Dengan Tekanan Kerja Guru KHB	75
38	Skor Tekanan Kerja Guru KHB Berdasarkan Tahap Beban Tugas (Pengurusan dan Pentadbiran)	75
39	Perbezaan Tahap Beban Tugas (Pengurusan dan Pentadbiran) Dengan Tekanan Kerja Guru KHB	75
40	Perincian Perbandingan Antara Tahap Beban Tugas (Pengurusan dan Pentadbiran) Dengan Tekanan Kerja Guru KHB	76
41	Skor Tekanan Kerja Guru KHB Berdasarkan Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel (Keseluruhan)	76
42	Perbezaan Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel (Keseluruhan) Dengan Tekanan Kerja Guru KHB	77
43	Perincian Perbandingan Antara Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel (Keseluruhan) Dengan Tekanan Kerja Guru KHB	77
44	Skor Tekanan Kerja Guru KHB Berdasarkan Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel (Pengurusan dan Pengendalian Bengkel)	77
45	Perbezaan Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel (Pengurusan Dan Pengendalian Bengkel) Dengan Tekanan Kerja Guru KHB	78
46	Perincian Perbandingan Antara Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel (Pengurusan dan Pengendalian Bengkel) Dengan Tekanan Kerja Guru KHB	78
47	Skor Tekanan Kerja Guru KHB Berdasarkan Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel (Penyenggaraan Alatan Tangan dan Mesin)	78
48	Perbezaan Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel (Penyenggaraan Alatan Tangan dan Mesin) Dengan Tekanan Kerja Guru KHB	79
49	Perincian Perbandingan Antara Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel (Penyenggaraan Alatan Tangan dan Mesin) Dengan Tekanan Kerja Guru KHB	79
50	Skor Tekanan Kerja Guru KHB Berdasarkan Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel (Pengurusan Aset Alih Kerajaan)	79
51	Perbezaan Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel (Pengurusan Aset Alih Kerajaan) Dengan Tekanan Kerja guru KHB	80
52	Skor Tekanan Kerja Guru KHB Berdasarkan Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel (Amalan Keselamatan)	80
53	Perbezaan Tahap Kemahiran Pengurusan Bengkel (Amalan Keselamatan) Dengan Tekanan Kerja Guru KHB	80



## **SENARAI RAJAH**

<b>Rajah</b>		<b>Halaman</b>
1	Model Kompetensi Iceberg, Spencer & Spencer (1993)	30
2	Teori Person-Environment Fit Marshall & Cooper (1979)	32
3	Kerangka Teoritikal Kajian	35
4	Kerangka Konseptual Kajian	36



## SENARAI SINGKATAN

KPM	-	Kementerian Pendidikan Malaysia
JPN	-	Jabatan Pendidikan Negeri
PPD	-	Pejabat Pendidikan Daerah
KHB	-	Kemahiran Hidup Bersepadu
WPM	-	Waktu Penyenggaraan Makmal
KBSM	-	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
NUTP	-	Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan
JKMIBTG	-	Jawatankuasa Khas Menangani Isu Beban Tugas Guru
PBS	-	Pentaksiran Berasaskan Sekolah
UPSR	-	Ujian Pencapaian Sekolah Rendah
PMR	-	Penilaian Menengah Rendah
BPTV	-	Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional
TPA	-	Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan
PLSS	-	<i>Professional Life Stress Scale</i>
WAMs	-	<i>Work Allocation Models</i>
SABK	-	Sekolah Agama Bantuan Kerajaan
LDP	-	Latihan Dalam Perkhidmatan
HSE	-	<i>The Health and Safety Executive</i>
M	-	Min
S.P	-	Sisihan Piawai
r	-	Korelasi
ANOVA	-	<i>Analysis Of Variance</i>
df	-	<i>Degrees of freedom</i>
SS	-	<i>Sum of square</i>

## **BAB 1**

### **PENDAHULUAN**

#### **1.1 Pengenalan**

Bab ini akan membincangkan tentang latar belakang , pernyataan masalah, objektif, persoalan, definisi setiap boleh ubah, kepentingan serta batasan kajian. Seterusnya bab ini juga bertujuan untuk menerangkan konsep beban tugas dan kompetensi pengurusan bengkel serta tekanan kerja dalam kalangan guru Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB).

#### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Pendidikan ialah penyumbang utama pembangunan modal sosial dan ekonomi negara. Dalam usaha kita untuk bersaing dengan negara termaju di dunia, sistem pendidikan kita perlu berupaya melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan pada peringkat global (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Dalam usaha mencapai hasrat Kementerian Pelajaran Malaysia, ianya akan mengakibatkan pelbagai perubahan dalam dunia pendidikan. Di Malaysia, perubahan-perubahan ini turut meningkatkan tahap tekanan kerja dalam kalangan guru terutamanya di sekolah menengah. Hal ini demikian kerana bukan semua guru mampu untuk berubah seiring dengan perubahan tersebut. Guru dan pemimpin sekolah adalah penggerak yang paling penting di peringkat sekolah untuk keberhasilan murid. Semua perkara ini menjadi tanggungjawab guru untuk mendidik pelajar. Tanpa komitmen dari guru, segala hasrat sekolah dan juga KPM tidak akan tercapai (Azrul Hisham, 2009).

Tekanan kerja merupakan satu faktor yang memberi kesan kepada prestasi kerja dan melibatkan guru. Fontana (1989), menyatakan bahawa tekanan adalah satu bentuk permintaan yang dibuat ke atas keupayaan untuk menyesuaikan minda dan fizikal serta seterusnya menjelaskan sekiranya seseorang itu dapat menerima dan menangani permintaan tersebut, maka tekanan tersebut akan mendatangkan kesan yang positif. Ini bermaksud cara seseorang menangani tekanan bergantung kepada tahap kesiapsiagaan minda dan fizikal seseorang untuk menerima atau menyerap sesuatu tekanan yang diterima. Sekiranya individu terbabit tidak bersedia dari segi fizikal dan mental, maka sudah pastinya tekanan yang datang dalam bentuk permintaan ini tidak mampu dihadapi dengan sempurna yang akhirnya akan menyebabkan individu tersebut tertekan dan menghadapi masalah yang lebih besar.

Menurut Erkutlu dan Chafra (2006), tekanan yang terlampaui tinggi boleh mengakibatkan pekerja meletak jawatan. Tidak menghairankan sekiranya guru yang memang berhadapan dengan tekanan yang tinggi akan berniat untuk berhenti kerja. Berdasarkan kepada kajian oleh Liu dan Onwuegbuzie (2012) tekanan yang tinggi

yang dihadapi oleh guru-guru di China menyebabkan mereka ingin meninggalkan profesi keguruan. Peranan mereka sebagai guru dan juga isteri menyebabkan mereka tidak mempunyai masa bersama keluarga. Disebabkan beban tugas yang berat juga sesetengah guru dilaporkan mempunyai masalah psikologi. Adalah menjadi satu kerugian yang besar kepada negara sekiranya kebanyakannya daripada guru yang tertekan meneruskan niat mereka untuk berhenti kerja kerana ianya akan mengganggu proses pendidikan di sekolah dan akhirnya yang akan menjadi mangsa sekali lagi ialah para pelajar.

Tugas seorang guru merangkumi pelbagai aktiviti. Di Malaysia, guru diharapkan dapat memperuntukkan masa bukan sahaja untuk aktiviti pengajaran seperti merancang pengajaran, mengajar di dalam bilik darjah dan memeriksa kerja rumah, tetapi juga untuk tugasan seperti melaksanakan aktiviti kokurikulum, menghadiri atau menyelaras aktiviti pembangunan profesional serta melibatkan diri dengan ibu bapa dan komuniti. Guru juga diberi tugas pentadbiran berkaitan pengajaran dan pembelajaran seperti mengisi kad laporan murid, memantau kehadiran murid di dalam bilik darjah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2013). Guru juga dilihat sebagai agen perubahan dalam masyarakat dan berperanan mendidik sahsiah dan moral pelajar. Ibu bapa meletakkan harapan yang tinggi agar guru dapat membantu anak-anak mereka cemerlang dari segi akademik, kokurikulum dan sahsiah. Pelaksanaan dasar pemilihan ke Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) berdasarkan merit 10% penglibatan murid dalam aktiviti kokurikulum misalnya meletakkan tanggungjawab yang lebih besar kepada guru untuk memberi peluang kepada semua murid melibatkan diri dalam aktiviti tersebut. Dari segi akademik pula, sistem pentaksiran peringkat kebangsaan memerlukan murid-murid bersaing mencapai tahap cemerlang untuk mendapat laluan ke Sekolah Berasrama Penuh, Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam atau luar negara serta tawaran biasiswa. Stakeholders mengharapkan kualiti sistem pendidikan negara sentiasa meningkat terutama dalam aspek pembaharuan kurikulum, sistem penilaian, prasarana dan kualiti guru. Semua faktor ini menjadi sebab guru-guru bekerja keras untuk melaksanakan pelbagai aktiviti di samping bertindak sebagai pembentuk sahsiah murid.

Dalam usaha KPM membekalkan kemahiran kepada pelajar, mata pelajaran KHB telah diperkenalkan pada tahun 1989 kepada pelajar menengah rendah. Kandungan mata pelajaran KHB yang menekankan konsep “*hands on*” dalam kerja amali di bengkel menuntut guru-guru mata pelajaran KHB menggunakan bengkel-bengkel yang terdapat di sekolah seperti Bengkel Kerja Kayu, Bengkel Elektrik dan Elektronik, Bengkel Paip Asas, Makmal Masakan dan juga Bilik Jahitan untuk menjalankan kerja amali dalam proses pengajaran dan pembelajaran (Zainudin & Rosini, 2010). Menurut Azman (2006), punca beban tugas bagi guru KHB adalah disebabkan ketiadaan pembantu bengkel untuk membantu kerja-kerja pengurusan di bengkel. Antara tugas-tugas yang perlu dilaksanakan oleh guru-guru KHB ialah mengemas, menyenggara pelbagai peralatan dan mesin, mengemas terutama selepas menjalankan kerja amali, membuat semakan serta merekod stok dan inventori (Abd. Rashid, 2005).

Dalam usaha mengurangkan beban tugas guru KHB, pada tahun 1982 merupakan kali pertama pihak Bahagian Pelajaran Teknik dan Vokasional, Kementerian Pelajaran, mengeluarkan surat pekeliling tentang Peruntukan Waktu Penyenggaraan Makmal Seni Perhubungan. Surat pekeliling ini bertujuan melaksanakan Waktu Penyenggaraan Makmal (WPM) bagi mata pelajaran Seni Perusahaan untuk mengatasi masalah-masalah dan mempertingkatkan lagi mutu pengajaran dan pembelajaran disebabkan Makmal Seni Perusahaan tidak dianggotai oleh Pembantu Makmal/Atenden Makmal seperti mana yang ada di makmal sains dan kerja pengurusan serta penyenggaraan makmal yang banyak dan luas. Kandungan surat pekeliling itu menetapkan mulai tahun 1983, WPM ditetapkan 6 waktu seminggu bagi sekolah-sekolah yang baru memulakan mata pelajaran ini. Bagi tahun berikut dan seterusnya, WPM ditetapkan sebanyak 4 waktu seminggu dengan waktu berkembar (*two double periods*) untuk sekolah yang telah memulakan mata pelajaran ini. WPM juga perlu dianggap sebagai waktu mengajar biasa tetapi tugas rasmi guru adalah untuk penyelenggaraan dan pengurusan makmal (Kementerian Pelajaran, 1982).

Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, Kementerian Pendidikan Malaysia telah dapat mengesahkan WPM yang disarankan di dalam pekeliling tidak diikuti sepenuhnya oleh pihak sekolah dan mendapati guru-guru Seni Perusahaan mengajar antara 26 hingga 30 waktu seminggu dengan tidak memperuntukkan WPM. Akibatnya makmal tidak diselenggarakan dengan betul dan berada dalam keadaan yang membahayakan serta menyebabkan proses pengajaran kurang berkesan dan pencapaian pelajar merosot. Oleh itu satu lagi surat pekeliling dikeluarkan pada tahun 1988 dan mengarahkan pengetua supaya memasukkan WPM ke dalam jadual waktu guru dan diambil kira dan mengurangkan waktu mata pelajaran lain dalam menyusun jadual waktu. Guru juga diarahkan mencatat perancangan tugas serta kerja yang dilaksanakan dalam Buku Rekod Mengajar seperti mata pelajaran lain (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988). Pelaksanaan WPM tidak lagi dijalankan mulai tahun 1989 sejak mata pelajaran KHB diperkenalkan menggantikan mata pelajaran Seni Perusahaan. Menyedari hakikat itu, sekali lagi pihak KPM telah mengeluarkan Surat Pekeliling Ikhtisas Bil.1/1998 Alternatif Meringankan Beban Tugas Guru Kemahiran Hidup Sekolah Menengah supaya WPM dikuatkuasakan semula kepada guru kanan mata pelajaran KHB untuk menjalankan tugas tersebut (Kementerian Pelajaran Malaysia, 1998). Peruntukan sebanyak 4 waktu seminggu untuk penyenggaraan makmal yang diberikan untuk guru kanan sememangnya tidak mencukupi kerana realitinya pada hari ini, tugas menguruskan bengkel bukan hanya dilaksanakan oleh guru kanan malah semua guru yang mengajar mata pelajaran KHB.

Kebelakangan ini isu beban tugas guru telah mendapat perhatian pihak tertinggi Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM). Kajian oleh KPM telah dilaksanakan pada tahun 2007. Jawatankuasa Mengkaji Tugas dan Tanggungjawab Guru (JMTTG) yang diketuai oleh Ketua Setiausaha KPM telah dibentuk dan dapatan kajian ini telah menunjukkan secara purata guru menggunakan 66.24 jam seminggu untuk melaksanakan tugas dan tanggungjawab. Jumlah ini adalah sangat tinggi berbanding

jumlah jam bekerja penjawat awam yang lain. Oleh itu beberapa syor telah dicadangkan oleh JMTTG yang antaranya ialah supaya staf sokongan di sekolah dibuat pertambahan. Bilangan dan jenis staf sokongan adalah mengikut model struktur organisasi sekolah yang diperakukan. Ini membolehkan guru lebih fokus kepada pengajaran dan pembelajaran yang menjadi *core business* guru.

Seterusnya dalam Kenyataan Media : Isu Beban Tugas Guru, 23 Oktober 2010, isu beban tugas guru telah ditimbulkan oleh Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) kepada Y.A.B Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Pelajaran Malaysia, Tan Sri Muhyiddin bin Haji Mohd. Yassin pada 30 Mac 2010. Sehubungan itu, KPM telah menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Bagi Menangani Isu Beban Tugas Guru (JKMIBTG) yang dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Haji Alimuddin bin Haji Mohd Dom, Ketua Pengarah Pelajaran Malaysia. Objektif penubuhan JKMIBTG adalah untuk menyenaraikan tugas dan tanggungjawab guru; mengenal pasti faktor yang menyebabkan beban tugas guru bertambah; dan mencadangkan tindakan bagi menangani isu beban tugas guru. Antara perakuan yang telah diambil ialah memastikan pelaksanaan aktiviti pada hari Sabtu diadakan secara berjadual serta tidak melebihi 2 kali sebulan. Seterusnya bagi mengurangkan tugas rencam guru di sekolah, satu Garis Panduan Penggabungan Jawatankuasa telah disediakan supaya jumlah jawatankuasa di peringkat sekolah tidak melebihi 10 yang terpenting. Selain daripada itu, bagi mengurangkan tugas perkeranian yang ada pada ketika ini dilaksanakan oleh guru, pihak KPM juga telah memohon pertambahan jawatan Pembantu Tadbir (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010).

Seterusnya pada tahun 2011, satu lagi kajian telah dilakukan oleh Bahagian Pendidikan Guru (BPG). Seorang pembantu tadbir telah ditempatkan di sekolah-sekolah kajian dengan tujuan mengenalpasti keberkesanan penempatan pembantu tadbir PT(P/O) gred N17 dalam membantu mengurangkan beban tugas perkeranian guru di sekolah. Hasil kajian ini telah mendapati bahawa dengan penempatan pembantu tadbir PT(P/O) adalah berkesan dan dapat membantu mengurangkan beban tugas perkeranian guru. Tetapi persoalan yang timbul di sini adakah pembantu tadbir telah ditempatkan di setiap sekolah? Adakah pembantu tadbir terus ditempatkan di setiap sekolah selepas kajian ini dapat membuktikan kepentingan pembantu tadbir dalam mengurangkan tugas perkeranian guru? Bagaimanakah pula dengan tugas guru KHB yang menguruskan 6 buah bengkel tanpa dibekalkan dengan pembantu bengkel?

Beban tugas berlebihan memberikan kesan negatif kepada murid dan organisasi sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Ini ditambah lagi dengan persekitaran kerja guru KHB yang berisiko kerana mereka bekerja dengan peralatan dan mesin yang berbahaya. Tugas mengurus dan menyenggara bengkel menuntut guru-guru KHB supaya mempunyai kemahiran dalam aspek pengurusan bengkel bagi memastikan bengkel KHB dapat diuruskan dengan sempurna. Oleh itu, proses pengajaran dan pembelajaran dapat dilaksanakan dengan sebaik mungkin (Zainudin & Rosini, 2010). Menurut Bello & Shu'aibu (2013), tiada kemahiran yang dapat

dicapai oleh pelajar tanpa kemudahan dan peralatan yang berfungsi dengan baik. Dalam pengurusan bengkel, guru merupakan faktor penting yang terlibat dan guru perlu mengamalkan prinsip-prinsip pengurusan bagi melicinkan segala aktiviti di bengkel. Adalah penting bagi setiap guru mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menguruskan peralatan dan keselamatan di bengkel. Ini bertujuan bagi memastikan pengurusan bengkel lebih teratur dan risiko yang buruk seperti kemalangan dapat dihindarkan .

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Teori Person-Environment Fit (Marshal & Cooper, 1979) menyatakan bahawa beban tugas yang dipikul akan menyebabkan tekanan kerja. Kenyataan ini disokong oleh kajian-kajian lepas (Azizi, Jamaludin, & Mazeni, 2010; Bubb & Earley, 2004; Chan, Chen, & Chong, 2010; Gilbeth, 2002; Lukman, 2008) salah satu punca tekanan kerja di kalangan guru adalah disebabkan oleh faktor beban tugas yang terlalu banyak. Guru yang mengalami tekanan sudah tentunya akan rendah dari segi kualiti kerja, dedikasi, motivasi, kreativiti, komitmen terhadap tugas, ketrampilan dan etika moral.

Menurut Azman (2006) faktor yang menyebabkan guru KHB tertekan adalah disebabkan ketiadaan pembantu bengkel yang membantu dalam pengurusan bengkel. Walaupun kajian Azman telah mengkaji tentang tekanan kerja guru KHB, kajian beliau hanyalah mengkaji faktor-faktor yang menyebabkan guru KHB tertekan. Oleh itu penyelidik merasakan perlu satu lagi kajian tentang tekanan kerja guru KHB. Kajian ini lebih menjurus tentang jumlah beban tugas yang terpaksa dipikul oleh guru KHB. Menurut KPM, tugas dan tanggungjawab guru di sekolah terbahagi kepada 9 aspek utama. Banyak kajian yang telah dijalankan bagi mengkaji beban tugas guru. KPM sendiri telah menjalankan kajian tentang beban tugas guru pada tahun 2007, 2010 dan oleh BPG pada tahun 2011. Walaubagaimanapun, kajian sedia ada tentang beban tugas guru adalah terlalu umum. Oleh itu kajian ini dirasakan perlu untuk memfokuskan kepada beban tugas guru KHB yang menguruskan bengkel tanpa adanya pembantu bengkel sepetimana guru Sains yang dibantu oleh pembantu makmal. Kajian Asnul Dahar dan Nurul Faizah (2011) mendapati 62.5% sampel kajian beliau menyatakan selain menjadi guru bengkel, mereka juga memegang jawatan lain di sekolah sehingga menyebabkan kerja-kerja pengurusan di bengkel tidak dapat dilaksanakan. Oleh itu kajian ini juga akan mengkaji aspek-aspek beban tugas yang menyebabkan guru-guru KHB merasa tertekan. Kajian akan lebih difokuskan terhadap beban tugas yang banyak melibatkan tugas guru KHB di sekolah. Tahap tekanan kerja guru KHB pula dikira berdasarkan simptom-simptom yang dialami kesan daripada tekanan kerja seperti sakit kepala, mudah marah dan sebagainya. Oleh itu, kajian ini dirasakan sangat penting bagi mengenalpasti jumlah beban tugas guru KHB, serta hubungan beban tugas dengan tekanan kerja

Pengurusan bengkel merupakan aspek penting dalam pendidikan teknikal kerana bengkel merupakan ruang untuk menjalankan kerja amali. Segala teori yang dipelajari dalam bilik darjah akan diterjemahkan melalui kerja amali di bengkel (Ruhizan, Mohd Nizam, Zunuwanas, & Saemah, 2010; Zunuwanas, Ruhizan, &

Mohd Nizam, 2012). Oleh itu matlamat sesebuah bengkel adalah untuk kepentingan pelajar. Seseorang guru teknikal tidak boleh mengajar dengan berkesan tanpa alat, peralatan dan mesin serta persekitaran bengkel yang kondusif (Azmi, 2007; Bello & Shu'aibu, 2013). Tidak banyak kajian sebelum yang mengkaji tentang pengurusan bengkel. Kajian oleh (Mohd Hanafiah, Zainal Abidin, Rashid, & Alias, 2002; Zainudin, 2009) hanya mengkaji tahap amalan guru dalam pengurusan bengkel dan dapatan kajian mendapati bahawa tahap amalan pengurusan bengkel KHB masih berada di tahap sederhana. Dalam pengurusan bengkel guru merupakan faktor penting yang terlibat dan guru perlu mengamalkan prinsip-prinsip pengurusan untuk melicinkan segala aktiviti di bengkel. Adalah penting bagi setiap guru mempunyai kemahiran yang tinggi dalam menguruskan peralatan dan keselamatan di bengkel. Ini bertujuan untuk memastikan pengurusan bengkel lebih teratur dan risiko yang buruk seperti kemalangan dapat dihindarkan (Asnul Dahir & Nurul Faizah, 2011). Oleh itu kajian ini dirasakan sangat penting untuk menentukan tahap kemahiran guru KHB serta menentukan adakah wujud hubungan antara kemahiran pengurusan bengkel dengan tekanan kerja.

Oleh itu, masalah utama yang ingin dikaji ialah beban tugas yang dipikul oleh guru khususnya guru KHB. Kajian ini perlu bagi memberi gambaran yang sewajarnya tentang jumlah beban tugas guru KHB. Selain itu, aspek kemahiran guru dalam pengurusan bengkel juga menjadi fokus utama kerana kemahiran merupakan faktor penting dalam pengurusan bengkel yang berkesan. Kemahiran yang kurang kadangkala boleh menambahkan beban tugas guru kerana guru akan merasa terbeban sekiranya terpaksa melakukan sesuatu kerja yang di luar pengetahuan dan kemahirannya. Kajian ini juga akan mengkaji adakah wujudnya hubungan antara beban tugas dan kemahiran pengurusan bengkel dengan tekanan kerja guru.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Secara umumnya kajian ini adalah untuk mengkaji beban tugas, kemahiran pengurusan bengkel dan tekanan kerja yang dihadapi oleh guru-guru KHB. Kajian ini juga bertujuan menentukan sejauh mana wujud hubungan antara beban tugas dan kemahiran pengurusan bengkel dengan tekanan kerja dalam kalangan guru KHB.

Objektif khusus kajian ini dijalankan adalah untuk :

- i) Mengenal pasti tekanan kerja, beban tugas dan kemahiran pengurusan bengkel dalam kalangan guru KHB.
- ii) Menentukan hubungan antara beban tugas dengan tekanan kerja dalam kalangan guru KHB.
- iii) Menentukan hubungan antara kemahiran pengurusan bengkel dengan tekanan kerja dalam kalangan guru KHB.
- iv) Membandingkan tahap beban tugas dengan tekanan kerja guru KHB.
- v) Membandingkan tahap kemahiran pengurusan bengkel dengan tekanan kerja guru KHB.

## **1.5 Persoalan Kajian**

Bagi mencapai objektif kajian yang dijalankan, soalan-soalan berikut dikemukakan :

- i) Apakah tahap tekanan kerja guru KHB?
- ii) Apakah jumlah beban tugas guru KHB dalam aspek kurikulum, kewangan, pengurusan dan pentadbiran serta pembangunan fizikal?
- iii) Apakah tahap kemahiran pengurusan bengkel guru KHB?
- iv) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara beban tugas dengan tekanan kerja dalam kalangan guru KHB?
- v) Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara kemahiran pengurusan bengkel dengan tekanan kerja dalam kalangan guru KHB?
- vi) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap beban tugas dengan tekanan kerja dalam kalangan guru KHB?
- vii) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan tahap kemahiran pengurusan bengkel dengan tekanan kerja dalam kalangan guru KHB?

## **1.6 Kepentingan Kajian**

Tujuan penyelidikan ini adalah untuk melihat hubungan antara beban tugas dan kemahiran pengurusan bengkel dengan tekanan kerja guru KHB. Dapatkan kajian ini akan memberi sumbangan terhadap teori atau model tekanan kerja. Terdapat pelbagai faktor yang menyebabkan guru tertekan bukan sahaja disebabkan oleh beban tugas tetapi terdapat juga faktor lain. Beban tugas mengajar mungkin dianggap tidak menjadi beban kepada guru, tetapi tugas-tugas sampingan lain yang banyak mengambil masa guru dianggap lebih membebankan mereka.

Memandangkan isu beban tugas guru dan tekanan kerja sering diperkatakan, kajian ini juga diharap dapat memberi maklumat dan membantu pihak-pihak yang terlibat dalam bidang pendidikan terutamanya bidang Teknik dan Vokasional dalam mengenal pasti isu dan permasalahan guru KHB dalam melaksanakan tugas terutamanya dalam aspek pengurusan tekanan dan pengurusan bengkel.

Pihak pentadbiran di peringkat sekolah boleh melaksanakan program pembangunan profesionalisme yang boleh memberi kesan kepada kemahiran, pengurusan masa dan pengurusan tekanan kerja. Guru-guru akan lebih mahir dalam menyusun tugas dan memperuntukkan masa dalam melaksanakan tugas. Oleh itu tekanan kerja dalam kalangan guru akan dapat dikurangkan. Guru-guru akan bekerja dalam keadaan gembira dan bertanggungjawab. Di samping itu juga, pihak sekolah boleh menggunakan dapatan kajian ini dalam menyusun atur tugas guru dan penyediaan jadual waktu guru. Tekanan kerja yang berpanjangan boleh melemahkan mental dan fizikal seseorang guru dan keadaan ini boleh menjelaskan tugas dan tanggungjawab mereka dan seterusnya membawa kepada kemerosotan prestasi pencapaian pelajar.

Selain itu, pihak Kementerian Pelajaran Malaysia juga boleh menjadikan dapatan kajian ini sebagai panduan dalam menyusun perjawatan guru dan staf sokongan

dalam memartabatkan sistem pendidikan khususnya dalam mengurangkan beban tugas yang dipikul oleh guru KHB.

## **1.7 Batasan Kajian**

Terdapat beberapa faktor yang menyebabkan kajian ini terbatas kepada beberapa perkara berikut iaitu :

- i. Kajian ini terhad kepada guru-guru KHB sekolah menengah harian di Negeri Kedah Darul Aman sebagai responden kajian. Dapatan yang diperoleh dari kajian ini tidak akan dikira sebagai mewakili semua guru sekolah menengah harian di seluruh Malaysia. Generalisasi terhadap dapatan kajian akan dibuat terhadap responden kajian sahaja.
- ii. Skop beban tugas yang dikaji dalam kajian ini hanya terhad kepada empat aspek sahaja iaitu kurikulum, kewangan, pengurusan dan pentadbiran serta pembangunan fizikal. Ianya tidak menyeluruh kepada semua aspek yang merangkumi tugas guru di sekolah.
- iii. Dalam mengkaji tahap kemahiran pengurusan bengkel serta tahap tekanan kerja, dapatan kajian adalah berdasarkan persepsi daripada responden dan semuanya adalah bergantung kepada kejujuran responden dalam menjawab soal selidik yang dikemukakan.

## **1.8 Definisi Istilah**

### **1.8.1 Beban Tugas**

Beban tugas ialah semua aktiviti yang mengambil masa guru secara langsung dan tidak langsung dengan tugas profesional, tanggungjawab dan kepentingan (Harold, 1984). Beban tugas guru merangkumi 9 aspek iaitu kurikulum, kokurikulum, hal ehwal murid, kewangan, pengurusan dan pentadbiran, pembangunan staf, komuniti, asrama dan pembangunan fizikal (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007).

Dalam kajian ini skop beban tugas meliputi empat aspek tugas dan tanggungjawab guru iaitu kurikulum, kewangan, pengurusan dan pentadbiran dan pembangunan fizikal sekolah (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2007). Beban tugas guru diukur dalam purata jam guru bekerja seminggu berdasarkan 4 aspek tersebut. Soal selidik beban tugas guru dibina berdasarkan kajian Kementerian Pelajaran Malaysia (2007).

### **1.8.2 Kemahiran Pengurusan Bengkel**

Menurut M. Armstrong (1999), terdapat 4 langkah dalam melaksanakan pengurusan terbaik iaitu merancang dan menentukan apa yang perlu dilakukan untuk mencapai matlamat, organisasi iaitu menyediakan keperluan dan sumber, motivasi iaitu motivasi kepada rakan setugas untuk bekerja bersama-sama dan mengawal iaitu mengawal kemajuan sumber setiap operasi yang dilaksanakan. Oleh itu, kemahiran pengurusan bengkel boleh didefinisikan sebagai mahir dan berupaya melaksanakan

pengurusan terbaik yang meliputi keempat-empat aspek iaitu merancang, organisasi, motivasi dan mengawal.

Dalam kajian ini kemahiran guru dalam pengurusan bengkel diukur dari aspek pengurusan dan pengendalian bengkel, penyelenggaraan alatan tangan dan mesin, tatacara pengurusan aset alih kerajaan dan amalan keselamatan. Soal selidik dalam bahagian ini dibina sendiri oleh penyelidik berdasarkan buku Panduan Keselamatan Bengkel Sekolah, (Hassan et al., 1977), buku Standard Persekutaran Bengkel (Bahagian Pendidikan Teknik dan Vokasional, 2007) dan Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan (TPA), (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2008).

Kaedah statistik deskriptif digunakan untuk menentukan tahap kemahiran pengurusan bengkel dalam kalangan guru KHB (boleh ubah bebas). Dalam kajian ini, pengkaji meletakkan empat tahap kemahiran pengurusan bengkel iaitu sangat rendah (skor min 1.00 hingga 1.99), rendah (skor min 2.00 hingga 2.99), sederhana (skor min 3.00 hingga 3.99), dan tinggi (skor min 4.00 hingga 4.99).

### **1.8.3 Tekanan Kerja**

Tekanan adalah tindak balas fizikal, mental atau emosi akibat daripada ketegangan, konflik, alam sekitar, tekanan dan rangsangan pada seseorang individu (Fontana & Abouserie, 1993).

Dalam kajian ini, tekanan kerja guru diukur berdasarkan masalah fizikal, masalah psikologi dan simptom organisasi yang dialami kesan daripada tekanan kerja. Soal selidik tentang tekanan kerja guru menggunakan *Profesional Life Stress Scale* (PLSS) oleh Fontana dan Abouserie (1993) dan soal selidik *Physiological and Psychological Symptoms* oleh (Gmelch, 1982; Walt, 1987) yang telah diubahsuai oleh pengkaji sebelum Anwar Faiz (2011).

Bagi menentukan tahap tekanan kerja, kaedah statistik deskriptif digunakan untuk menentukan tahap tekanan kerja dalam kalangan guru KHB. Dalam kajian ini pengkaji meletakkan empat tahap tekanan iaitu tekanan rendah (skor min 1.00 hingga 1.99), tekanan sederhana (skor min 2.00 hingga 2.99), tekanan yang serius (skor min 3.00 hingga 3.99) dan tekanan yang amat serius (skor min 4.00 hingga 4.99) (Fontana & Abouserie, 1993).

## **1.9 Kesimpulan**

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengkaji beban tugas guru-guru KHB serta kemahiran guru dalam pengurusan bengkel di sekolah menengah di Negeri Kedah. Tujuannya adalah untuk melihat jumlah beban tugas yang terpaksa dipikul oleh guru-guru KHB dalam tugas melaksanakan pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan bengkel kerana ketiadaan pembantu bengkel. Ketiadaan pembantu bengkel menyebabkan guru terpaksa melakukan semua kerja selain mengajar termasuklah pengurusan bahan dan peralatan, pengurusan stor, pengurusan stok dan inventori,

pengurusan keselamatan serta pengurusan PBS. Aspek pengurusan bengkel ini menuntut kemahiran guru dalam menjalankan tugas kerana kemahiran dalam pengurusan bengkel juga mempunyai perkaitan yang rapat dengan beban tugas. Kemahiran pengurusan bengkel yang rendah dalam kalangan guru akan menambahkan beban tugas dan seterusnya beban tugas yang berlebihan akan membawa kepada tekanan kerja.



## RUJUKAN

- Abd. Halim, A. (2001). *Stress Di Kalangan Guru-guru Sekolah Menengah Kebangsaan Perlis*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah.
- Abd. Rashid, M. (2005). *Pengurusan Bengkel Reka Cipta : Persepsi Mengenai Tahap Pengetahuan Dan Masalah-masalah Yang Dihadapi Di Kalangan Guru Mata Pelajaran Reka Cipta Di Negeri Johor*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Adam, B. (2002). *Beban Tugas Guru Sekolah Rendah Aliran Bahasa Melayu Di Kawasan Perbandaran Bahagian Sibu, Sarawak*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.
- Akpochafo, G. O. (2005). Perceived Sources Of Occupational Stress Among Primary School Teachers In Delta State Of Nigeria. *Journal of Education*, 132(4), 826–834.
- Angle, H., Gilby, N., Fearn, A., Bassett, C., Elston, D., & Mcginigal, S. (2008). *Teachers' Workloads Diary Survey*.
- Anwar Faiz, N. H. (2011). *Job Stress Among Secondary School Teacher : A Study In District Of Perak Tengah, Perak Darul Ridzuan*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah.
- Armstrong, M. (1999). How to be an even better manager. (5th Ed.), London: Kagan Page.
- Ary, D., Jacobs, L. C., Sorensen, C., & Razavieh, A. (2010). *Introduction to Research in Education* (Eight Edit.). Wadsworth Cengage Learning.
- Asnul Dahir, M., & Nurul Faizah, S. (2011). Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Pengurusan Bengkel Di Sekolah-Sekolah Menengah Teknik Yang Dinaik Taraf Di Negeri Selangor Dan Kuala Lumpur. *Journal of Educational Management*, 3, 1–17.
- Azita, A. R. (2012). *Beban Tugas Guru Sekolah Menengah di Batu Pahat, Johor Darul Takzim*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor.
- Azizi, Y., Jamaludin, R., & Mazeni, I. (2010). Factors That Contributed Stress Among Secondary School Teachers In Four States In Malaysia. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 25, 103–136.

- Azman, Y. (2006). *Tekanan Kerja Guru Kemahiran Hidup Bersepadu Di Beberapa Buah Sekolah Menengah Di Daerah Bentong, Pahang Darul Makmur*. Tesis Sarjana Kepengetuaan yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Azmi, B. (2007). *Tinjauan Terhadap Keberkesanan Pelaksanaan Pengurusan Bengkel Oleh Guru-guru KH Di Sekolah-sekolah Menengah Daerah Batu Pahat Johor*. Laporan Projek Ijazah Sarjana Muda yang tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Azrul Hisham, A. M. (2009). *Faktor-faktor Tekanan Dan Kesannya Kepada Guru Sekolah Menengah Kebangsaan : Satu Kajian Di Daerah Timur Laut, Pulau Pinang*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah.
- Bartlett, J. E., Kotrlik, J. W., & Higgins, C. C. (2001). Organizational Research : Determining Appropriate Sample Size in Survey Research. *Information Technology, Learning and Performance Journal*, 19(1), 43–50.
- Bello, H., & Shu'aibu, B. (2013). State of facilities for teaching electrical installation and maintenance work trade in technical colleges in Bauchi. *International Journal of Vocational and Technical Education*, 5(5), 82–91. doi:10.5897/IJVTE2013.0116
- BPTV. (2007). *Standard Persekutuan Bengkel*. Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Bubb, S., & Earley, P. (2004). *Managing Teacher Workload Work-Life Banlance and Wellbeing* (First Edit.). Paul Chapman Publishing A SAGE Publications Company.
- Chan, A. H. S., Chen, K., & Chong, E. Y. L. (2010). Work Stress of Teachers from Primary and Secondary Schools in Hong Kong. In *Proceeding of the International MultiConference of Engineers and Computer Scientists* (Vol. III, pp. 17–20).
- Chansirisira, P. (2012). Study of Core Competency Elements and Factors Affecting Performance Efficiency of Government Teachers in Northeastern Thailand. *International Education Studies*, 5(6). doi:10.5539/ies.v5n6p161
- Check, R. F. E., & Okwo, F. A. (2012). Influence of Demographic Factors on Stress Perceptions of Teachers of Public Secondary Schools in Cameroon. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 47, 439–443. doi:10.1016/j.sbspro.2012.06.677
- Chua, Y. P. (2011). *Kaedah Penyelidikan*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.

- Creswell, J. W. (2009). *Research Design - Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches* (Third Edit.). Sage Publications Inc.
- Deakin, G., James, N., Tickner, M., & Tidswell, J. (2010). *Teachers' workload diary survey 2010*.
- Fazli, B. (2003). *Work Stress Level Among Secondary School Teachers In The State Of Malacca : Implications To Human Resource Development*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah.
- Fontana, D. (1989), *Managing Stress*. British Psychological Society & Routledge Ltd.
- Fontana, D., & Abouserie, R. (1993). Stress levels, gender and personality factors in teachers. *Journal of Educational Psychology*, 63, 261–270.
- Gilbeth, A. J. (2002). *Faktor-faktor Dalaman Dan Luaran Organisasi Pendidikan Dan Hubungannya Dengan Tekanan Kerja : Satu Tinjauan Di Sebuah Sekolah Menengah*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah.
- Goetsch, D. L. (2005). *Occupational Safety And Health For Technologists, Engineers And Managers*.
- Habibah, M. S. (1995). *Hubungan Latar Belakang Guru Dengan Persepsi Terhadap Mata Pelajaran KHB*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.
- Harold, E. Y. (1984). *Faculty Workload: Research, Theory and Interpretation*.
- Hassan, S., Tan, G. S., Ta, K. M., Toh, K. T., Mohd Rafik, K., & H.S., G. (1977). *Panduan Keselamatan Bengkel Sekolah* (Cetakan Pe.). Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Hatta, S., Ruzanna, Z. Z., & Mohamed Hatta, S. (2003). *Menjaga Kesihatan Jiwa: Teknik Mengurus Stress. Panduan Mengurus Stress menggunakan Teknik-teknik Yang Efektif* (Terbitan P.). PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Ingvarson, L., Kleinbenz, E., Adrian, B., Barwick, H., Carthy, I., & Wilkinson, J. (2005). *Secondary Teacher Workload Study Report* (pp. 1–192).
- Ivancevich, J. M., Matteson, M. T., & Preston, C. (1982). Occupational Stress, Type A Behavior and Physical Well Being. *The Academy of Management Journal*, 25(2), 373–391.

- Kalsom, A. (1997). *Tekanan Kerja Di Kalangan Guru Ekonomi Rumah Tangga*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.
- Kavita, K. (2012). *Work Stress Among Teachers : A Comparison Between Primary And Secondary School Teachers*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.
- Kementerian Pelajaran. (1982). Peruntukan Waktu Penyenggaraan Makmal Seni Perusahaan.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1998). Surat Pekeliling Ikhtisas Bil 1/1998 Alternatif Meringankan Beban Tugas Guru Kemahiran Hidup Sekolah Menengah.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2007). *Kajian Tugas Dan Tanggungjawab Guru*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2008). *Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan*.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2010). Kenyataan Media : Isu Beban Tugas Guru 23 Oktober 2010.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (2013). *Ringkasan Eksekutif Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025*.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (1988). Peruntukan Waktu Penyenggaraan Makmal (WPM) Mata Pelajaran Seni Perusahaan.
- Lath, S. K. (2010). An Assortment Aspect of the Stress Among School. *International Journal of Educational Administration*, 2(2), 433–441.
- Liu, S., & Onwuegbuzie, A. J. (2012). Chinese teachers ' work stress and their turnover intention. *International Journal of Educational Research*, 53, 160–170. doi:10.1016/j.ijer.2012.03.006
- Lukman, M. (2008). *Tekanan Kerja Dalam Kalangan Guru Sekolah Menengah Di Dua Buah Daerah Di Negeri Kedah*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Mohamad Yazi, K. (2005). *Beban Tugas Dan Perlakuan Mengajar Guru Sekolah Rendah*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia.
- Mohammad Rodhi, A. R. (2003). *Kajian Tahap Stres Dikalangan Guru Sekolah Menengah : Perbandingan Antara Sekolah Menengah Luar Bandar Dan Sekolah*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah.

- Mohd Hanafiah, Y., Zainal Abidin, H., Rashid, I., & Alias, O. (2002). Amalan Pengurusan Bengkel Kemahiran Hidup : Satu Kajian Tinjauan Di Sekolah-Sekolah Rendah Di Negeri Terengganu. *Muaddib Jurnal Pendidikan, Maktab Perguruan Kuala Terengganu*, 2.
- Mohd Hatta, S. (2000). *Stres Pekerjaan Di Kalangan Guru-guru KHB Sekolah-sekolah Menengah Kebangsaan Daerah Kuala Langat Negeri Selangor Darul Ehsan*. Tesis Master, Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.
- Mohd Saudi, A. R. (1998). *Beban Tugas Di Kalangan Guru Sekolah Menengah*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah.
- Mohd. Hazwan, M. P. (2009). Hubungan Antara Faktor Pengetahuan Dengan Amalan Pengurusan Makmal Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Di Makmal Kimpalan Arka Dan Gas. In *Strategi Memperkasa Pendidikan Teknik Dan Vokasional* (Cetakan Pe., pp. 13–39). Penerbit Universiti Putra Malaysia.
- Muhammad, A., Brig Muhammad, A., & Khalid, M. (2010). An Evaluation Of The Effects Of Stress On The Job Performance Of Secondary School Teachers. *Journal Of Law and Psychology*, 43–55.
- Muhammad Shukri, S. (1998). *Beban Tugas Di Kalangan Guru Sekolah Rendah*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia, Sintok Kedah.
- Noraini, I. (2010). *Penyelidikan dalam Pendidikan*. McGraw-Hill (Malaysia) Sdn. Bhd.
- Norlida, A. W., Fatimah, T., & Mohd. Nasrudin, B. (2011a). Kajian Eksperimental Menangani Beban Tugas Perkeranian Guru. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*, (Jilid 6).
- Norlida, A. W., Fatimah, T., & Mohd. Nasrudin, B. (2011b). Kajian Eksperimental Menangani Beban Tugas Perkeranian Guru 2011. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan Guru*, 6.
- Pallant, J. (2010). *SPSS Survival Manual : A step by step guide to data analysis using SPSS* (4th Editio.). The McGraw-Hill Companies.
- Palmer, Stephen & Cooper, C. (2007). *How To Deal With Stress*. Kogan Page US.
- Rohani, C. (1991). *Beban Tugas Guru Dalam Pelaksanaan KBSM*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Roy, K. (2011). Best Practices for Safety Issues in the Science Classroom and Laboratory. *The Science Teacher*, (December).

- Ruhizan, M. Y., Mohd Nizam, A. R., Zunuwanas, M., & Saemah, R. (2010). Developing framework for intelligent laboratory management. *Procedia - Social and Behavioral Sciences*, 9, 1194–1197. doi:10.1016/j.sbspro.2010.12.306
- Salkind, N. J. (2009). *Exploring Research, 7th Edition* (7th Editio.). Pearson Education Prentice Hall, USA New Jersey.
- Samsul, A. R. (2001). *Perkaitan Antara Pengurusan Berkesan Dari Segi Kesediaan Pengurus Makmal, Pengendalian Peralatan Dan Keadaan Persekutaran Dengan Peningkatan Ciri-Ciri Keselamatan Di Makmal*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn.
- Sarmah, B., & Baruah, M. (2012). An Empirical Study On Job Stress Among Secondary School Teachers. *Indian Streams Research Journal*, 2(8), 1–8.
- Siti Hajar, A. J. (2010). *Determinants Stress Among Secondary School Teachers In Kubang Pasu District*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Utara Malaysia, Sintok, Kedah.
- Smith, M. A. X., & Bourke, S. I. D. (1992). Teacher Stress : Examining A Model Based On Context, Workload And Satisfaction. *Teaching and Teacher Education*, 8(1), 31–46.
- Spencer, L. M., & Spencer, S. (1993). *Competence At Work : Models For Superior Performance*. John Wiley & Sons, Inc.
- Unit Kesihatan Pekerjaan, K. (2008). *Garis Panduan Pencegahan Kemalangan Di Tempat Kerja*. Kementerian Kesihatan Malaysia.
- Vardi, I. (2008). The impacts of different types of workload allocation models on academic satisfaction and working life. *Higher Education*, 57(4), 499–508. doi:10.1007/s10734-008-9159-8
- W. Brewer, E., & McMahan, J. (2003). Job Stress and Burnout among Industrial and Technical Teacher Educators. *Journal of Vocational Education Research*, 28(2), 125–140.
- Wan Roselinda, W. J. (2008). *Kajian Mengenai Faktor Masa Dan Beban Tugas Guru Serta Hubungannya Dengan Tahap Stres Di Sebuah Sekolah Premier Di Daerah Johor Bahru*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Teknologi Malaysia, Skudai, Johor.
- Wang, P., Lin, P., & Cao, H. (2009). The Sources Of Work Stress For Chinese High School Teachers. *Social Behavior And Personality*, 37(4), 459–466.

Zaharilah, H. A. K. (1999). *Tekanan Kerja Di Kalangan Guru Aliran Vokasional Dan Teknologi Sekolah Menengah Akademik Di Negeri Sembilan*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia, Serdang Selangor.

Zainudin, A. (2009). *Hubungan Pengurusan Bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu Dengan Persepsi Guru Terhadap Sokongan Pihak Pentadbir Sekolah*. Tesis Master yang tidak diterbitkan, Universiti Putra Malaysia.

Zainudin, A., & Rosini, A. (2010). Hubungan Pengurusan Bengkel Kemahiran Hidup Bersepadu Dengan Persepsi Guru Terhadap Sokongan Pihak Pentadbir Sekolah. *Jurnal Pendidikan Teknikal Dan Vokasional Malaysia*, 1(1), 61–79.

Zunuwanas, M., Ruhizan, M. Y., & Mohd Nizam, A. R. (2012). Laboratory Quality Management Requirements of Engineering at the Polytechnics Ministry of Higher Education Malaysia. *Journal of Education and Learning*, 6(1), 59–64.